

Latihan pengukuhan

AKTIVITI **1.1.3**

- Bincangkan dalam kumpulan, contoh faktor pengeluaran yang diperlukan untuk mengeluarkan barangan berikut.
(a) Basikal elektrik (c) Rumah
(b) Pisang (d) Roti burger
- Kenal pasti faktor pengeluaran dalam situasi di bawah.

Anda memesan piza melalui Internet. Maklumat pesanan anda muncul pada monitor komputer pemilik kedai piza. Kemudian, tukang masak di dapur mula membuat doh dengan mencampurkan adunan daripada garam, tepung, telur, dan susu. Kemudian, dia masukkan sos tomato, daging, keju, dan sosej sebelum meletakkan piza ke dalam ketuhar. Dalam masa 10 minit, piza telah masak dan dimasukkan ke dalam karung "hot pouch" untuk dihantar oleh penghantar dengan motosikal syarikat ke depan pintu anda.

1. Bincangkan dalam kumpulan, contoh faktor pengeluaran yang diperlukan untuk mengeluarkan barangan berikut:

- a) Basikal elektrik d) Roti Burger
- b) Pisang
- c) Rumah

2. Kenal pasti faktor pengeluaran dalam situasi di bawah.

Anda memesan piza melalui internet. Maklumat pesanan anda muncul pada monitor komputer pemilik kedai piza. Kemudian, tukang masak di dapur mula membuat doh dengan mencampurkan adunan daripada garam, tepung, telur dan susu. Kemudian, dia masukkan sos tomato, daging, keju dan sosej sebelum meletakkan piza dan ketuhar. Dalam masa 10 minit, piza telah masak dan dimasukkan ke dalam karung "hot pouch" untuk dihantar oleh penghantar dengan motosikal syarikat ke depan pintu anda.

Soalan Latihan Pengukuhan

1. Pernyataan manakah benar tentang modal?

I Mempunyai mobiliti geografi

II Tidak mempunyai mobiliti tempat

III Kuantiti penawarannya tidak terhad

IV Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk menghasilkan keluaran

A I dan II

B I dan IV


C II dan III

D III dan IV

2. Pasangan manakah yang benar tentang buruh dan usahawan.

Buruh	Usahawan
A. Bebas membuat keputusan	Tidak bebas membuat keputusan
B. Terima ganjaran upah	Terima ganjaran untung
C. Penawaran terhad	Penawaran tidak terhad
D. Bekerja sendiri	Bekerja dengan orang lain


3. Rajah berikut menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang perlu untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan.



Y adalah satu daripada sumber tersebut. Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang Y?

- A Upah
- B Sewa
- C Faedah
- D Untung


4. Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran



Pernyataan manakah yang menggambarkan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam proses pengeluaran
- B Berperanan menyelaraskan dan menggabungkan faktor pengeluaran
- C Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhadap
- D Membenarkan orang lain menguruskan untungnya

5. Gambar berikut menunjukkan faktor pengeluaran



Pernyataan manakah yang menggambarkan sumber ekonomi A?

- A Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- B Mempunyai penawaran yang tidak terhad
- C Menggabungkan faktor pengeluaran yang lain
- D Mencapai pengeluaran output yang maksimum